

## PEMAHAMAN KONSEP HISTERIA DALAM MASYARAKAT MELAYU

Intan Farhana Saparudin<sup>1</sup>, Fariza Md Sham<sup>2,3</sup>, Salasiah Hanin Hamjah<sup>4</sup>

### ABSTRAK\*

Gejala histeria dalam kelompok masyarakat Melayu merupakan fenomena sosial yang telah lama wujud dalam komuniti. Masyarakat Melayu mendefinisikan histeria dengan pelbagai terminologi dan tafsiran mengikut kepercayaan masyarakat mereka. Kefahaman konsep histeria dalam masyarakat Melayu didapati berbeza dengan konsep histeria dalam sistem perubatan moden. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan konsep histeria dalam kalangan etnik Melayu. Kajian berbentuk analisis kandungan ini mengkaji kajian lepas dan buku-buku yang membincangkan tentang histeria dalam masyarakat Melayu. Hasil tinjauan literatur yang dijalankan mendapati masyarakat Melayu mengatakan bahawa histeria sebagai gejala dirasuk hantu atau diganggu makhluk halus dan kepercayaan ini masih wujud sehingga sekarang. Masyarakat Melayu menganggap histeria dan gangguan makhluk halus adalah perkara yang sama. Selain itu kepercayaan terhadap perkara mistik dan *supernatural* didapati masih wujud dalam kalangan masyarakat walaupun kedatangan Islam telah berjaya juga mengubah pandangan tersebut, namun tidak sepenuhnya. Implikasi pemahaman konsep ini mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap gejala histeria dan langkah pencegahan yang digunakan. Masyarakat Melayu lebih cenderung menggunakan kaedah rawatan secara tradisional. Bertitik tolak dari itu pemahaman konseptual histeria di alam Melayu saling berasimilasi dan mempengaruhi budaya masyarakat.

Kata kunci: *histeria, Melayu, kepercayaan, kebudayaan, makhluk halus*

---

<sup>1</sup> Fakulti Sains Teknologi dan Pembangunan Insan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Batu Pahat, Johor, Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>3</sup> Insitut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

\*Kertas kerja dikemukakan untuk *Regional Seminar on Dakwah and Ethnicity* bertempat di Universiti Malaysia Sabah pada 20-21 November 2014

## PENDAHULUAN

Masyarakat Melayu merupakan kelompok masyarakat terbesar yang mendiami Malaysia. Melayu menurut Perlembagaan Malaysia ditakrifkan sebagai golongan etnik yang memiliki ciri-ciri lazim seperti berbahasa Melayu, mengamalkan budaya Melayu dan beragama Islam. Dari sudut budaya, masyarakat Melayu dikatakan merangkumi seluruh penduduk pribumi di dunia Melayu (Nusantara), iaitu penduduk yang tinggal serumpun tanpa mengira agama, bahasa, dan adat istiadat masing-masing yang diamalkan oleh kelompok serumpun masing-masing (Abdul Rashid Melebek 2006). Etnik menurut Melvin Tumin (1988) adalah satu kumpulan sosial yang wujud dalam satu sistem sosial dan kebudayaan yang besar. Dalam etnik Melayu terdapat kelaziman pengamalan budaya dan kepercayaan yang dipegang dan menjadi amalan pegangan masyarakat yang diwarisi turun temurun. Antara kepercayaan yang masih wujud dalam pengamalan masyarakat Melayu adalah dalam aspek perawatan dan penyembuhan penyakit.

Gejala histeria atau ‘dirasuk’ berdasarkan tanggapan kepercayaan masyarakat Melayu dianggap sebagai sejenis penyakit gangguan makhluk halus yang telah lama wujud dalam masyarakat. Fenomena ini diinterpretasikan dari kepercayaan masyarakat Melayu dahulu kala yang sangat berpegang kuat kepada konsep semangat, roh, nyawa dan sebagainya. Kepercayaan tersebut dibina bagi menjamin keselamatan diri, keluarga dan sebagai pengharapan kepada satu kuasa yang dapat melindungi mereka. Oleh itu kerja kerja ini ditulis bagi menyingkap gejala histeria dalam pemahaman etnik Melayu yang telah bercampur aduk dengan kepercayaan dan adat lama seperti kepercayaan terhadap makhluk halus dan kuasa-kuasa ghaib.

## KONSEP HISTERIA

Histeria secara saintifiknya dari sudut perubatan dikategorikan sebagai salah satu penyakit mental dan psikiatri. Gejala ini dihuraikan dari sudut klinikal dengan konsep dan ciri-ciri yang merujuk kepada kecelaruan neurosis dan kecelaruan somatofora. Dalam *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders IV* (DSM-IV) yang menyenaraikan pelbagai jenis kecelaruan mental di dalam bidang psikiatri dan klinikal, kecelaruan somatofora dibahagikan kepada tujuh bahagian dan salah satunya ialah kecelaruan jelmaan (*conversion disorder*) yang dikenali sebagai histeria (DSM-IV 2004, Mahmood Nazar 1990). Kecelaruan somatofora ialah gangguan simptom fizikal tanpa sebab musabab fizikal yang jelas dan kecelaruan ini dicirikan oleh simptom fizikal (rasa sakit), tetapi penyakit atau kecederaan fizikal tersebut tidak wujud. Ia tercetus bukan disebabkan oleh faktor biologikal tetapi kerana faktor psikologikal. Kecelaruan ini dapat dikenal pasti melalui dua ciri iaitu sindrom jelmaan (*conversion disorder*) dan sindrom ceraian (*dissociative hysteria*). Selain itu histeria juga berlaku dalam bentuk kumpulan atau epidemik.

Epidemik didefinisikan sebagai satu gugusan simptom yang ditandai penyakit organik tetapi tidak wujud sebab yang boleh dikenal pasti. Histeria jenis ini berlaku dalam kalangan dua atau lebih orang yang berkongsi kepercayaan sama berkaitan simptom tersebut. Histeria epidemik dikenali dengan pelbagai nama sinonim lain termasuk histeria massa (*mass hysteria*), penyakit psikogenik massa (*mass psychogenic illness*) dan penyakit sosiogenik massa (*mass sociogenic illness*) (Boss 1997). Kejadian histeria beramai-ramai (epidemik)

adalah satu gejala yang bersifat global. Gejala ini turut boleh ditemui di negara lain di dunia seperti di Amerika Syarikat, Britain, Afrika dan Taiwan (Small et al.1991, Bartholomew & Sirois 1996). Di Malaysia, histeria turut terjadi dalam bentuk kumpulan secara epidemik. Bahkan dalam konteks kebudayaan dan kepercayaan masyarakat Melayu, histeria epidemik dan histeria individu adalah fenomena yang dianggap sebagai diganggu makhluk halus atau dirasuk hantu. Kefahaman ini didapati amat berbeza sekali dengan pandangan dari perspektif Barat (Amran & Haron 1995, Noor Eisah 1994).

## **PEMAHAMAN KONSEP HISTERIA DALAM MASYARAKAT MELAYU**

Masyarakat Melayu menganggap histeria adalah gejala ‘dirasuk hantu’ atau ‘diganggu makhluk halus’(Fariza & et al,2014). Kepercayaan sebegini timbul kerana masyarakat Melayu percaya bahawa histeria yang berlaku pada golongan gadis dan perempuan merupakan gejala gangguan hantu, jin dan syaitan atau apa sahaja berkaitan gangguan makhluk halus dan alam ghaib (Amran & Zulkarnain 1994, Roslina 1992). Persepsi ini secara asasnya muncul kerana masyarakat Melayu dahulu sebelum kedatangan Islam mempercayai konsep animisme iaitu konsep semangat dan alam. Kedatangan Islam telah menghapuskan kepercayaan karut dan tahyul namun kepercayaan terhadap unsur-unsur ghaib didapati masih wujud dalam masyarakat terutamanya dalam perkara-perkara berkaitan makhluk halus (Ismail Hamid 1988). Kepercayaan animisme ialah percaya bahawa setiap benda mempunyai semangat, kuasa atau roh untuk melakukan sesuatu. Hasil kepercayaan ini wujudnya kepercayaan kuno atau *folk belief* terhadap makhluk-makhluk halus yang dikenali sebagai hantu (Mohd Taib 1989). Kebudayaan Melayu yang telah berasimilasi dapat dilihat dalam etiologi mereka terhadap penyakit histeria dan kaedah rawatan yang digunakan.

Dalam tinjauan beberapa kajian lalu, didapati masyarakat Melayu mengistilahkan histeria sebagai ‘kena gangguan’ ‘kemasukan’ ‘keteguran’ dan ‘kena sampuk’ (Amran & Zulkarnain 1994, Noor Eisah 1994, Roslina 1992). Pendefinisian begini kerana persepsi masyarakat Melayu yang mempercayai histeria yang terjadi berpunca daripada hantu syaitan. Ini juga kerana mangsa yang dirasuk hantu itu berkelakuan aneh seperti tidak sedarkan diri, mengamuk, menjerit, meraung, bertutur dalam bahasa asing dan pelbagai tingkahlaku luar biasa yang sebenarnya tidak mampu dilakukan dalam keadaan normal. Bagi mereka, tingkahlaku luar biasa itu hanya terjadi jika satu bentuk kuasa aneh dan luar biasa telah menumpang ke dalam tubuh dan seterusnya mengganggu fungsi fizikal dan mental mangsa. Masyarakat Melayu juga menganggap histeria sebagai ‘dirasuk hantu’ kerana kepercayaan bahawa penyakit luar biasa itu disebabkan oleh hantu, polong, bunian atau makhluk ghaib lain (Amran & Zulkarnain 1994).

Konsep kepercayaan orang Melayu merupakan sesuatu yang kompleks sebab ia bercampur aduk dengan unsur-unsur kepercayaan yang diwarisi (Roslina 1992). Masyarakat Melayu dahulu mempercayai perkara-perkara yang berunsur semangat dan magis dan kepercayaan ini masih terdapat dalam kehidupan mereka secara tidak langsung (Mohd Taib Osman 1989). Dalam rutin kehidupan Melayu umpamanya, kanak-kanak telah diperkenalkan dengan konsep hantu, penunggu dan puaka iaitu unsur-unsur ghaib yang boleh memberi mudarat jika menyebabkan kuasa *supernatural* ini marah atau terlanggar pantang (Roslina 1992). Begitu juga dalam merawat pesakit yang ‘terkena histeria’, masyarakat Melayu lebih merujuk pada bomoh atau perawat tempatan bagi menyembuhkan pesakit (Aziz Deraman 2001).

Masyarakat Melayu dahulu menganggap ‘hantu’ sebagai agen penyakit. Apabila seseorang sakit akibat gangguan hantu, dia dianggap telah dirasuk hantu. Sakit seperti histeria dianggap sebagai sejenis sakit-demam yang disebabkan oleh rasukan hantu atau pun gangguan kuasa luar biasa seperti perbuatan sihir atau kegiatan magis (Mat Saat Baki 1993). Seseorang dirasuk hantu terjadi bukan hanya disebabkan orang lain memeralatkan hantu itu, malahan seseorang boleh dirasuk hantu jika semangatnya lemah, berada dalam keadaan tegang dan risau atau mengganggu tempat tinggal makhluk tersebut (Hashim Awang 1990, Mat Saat Baki 1993). Dalam kajian oleh Roslina (1992) mendapati masyarakat Melayu di Bachok Kelantan menganggap histeria yang berlaku pada anak gadis mereka sebagai kena buatan orang atau kena gangguan makhluk halus. Pandangan ini disokong dengan kajian yang dilakukan terhadap 117 orang pelajar dari 2 buah sekolah di Selangor, mendapati, faktor utama histeria ialah faktor psikologi dan gangguan makhluk halus (Fariza & et al, 2014).

Apabila histeria dikaitkan dengan makhluk halus, maka kaedah merawat juga, masyarakat Melayu cenderung kepada perubatan tradisional iaitu melalui bomoh serta kaedah perawatan Islam yang menggunakan ayat-ayat al-Quran. Perkembangan mutakhir, memperlihatkan kecenderungan masyarakat Melayu beralih daripada merawat dengan pengamal rawatan tradisional kepada pengamal rawatan Islam iaitu dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran dan doa.

Nilai dan norma ini yang dipegang masyarakat Melayu yang lahir daripada sejarah asal budaya Melayu yang merupakan asas kepercayaan ‘*world view*’ orang Melayu sebelum kedatangan ajaran Islam (Haliza 2000). Mereka sangat berpegang kuat dengan kepercayaan dan adat, dan perubatan tradisional memainkan peranan yang penting dalam merawat sakit-demam mereka. Bomoh pada komuniti Melayu dahulu dianggap berperanan penting dalam seni pengubatan tradisional dan orang yang berwibawa dan pakar dalam menyelesaikan masalah berkaitan kerasukan. Disebabkan masyarakat Melayu menganggap histeria sebagai satu penyakit yang berasal dari alam ghaib maka penggunaan bomoh mendahului pengubatan yang lain. Islam yang datang memperbetulkan salah tanggapan dan kepercayaan taksu masyarakat Melayu terhadap perkara-perkara mistik. Namun kepercayaan terhadap kuasa alam dan semangat masih didapati dalam segelintir budaya masyarakat.

Perspektif sebegini dianggap oleh sesetengah sarjana sebagai salah satu fenomena *CBS*. *CBS* (*culture-bound syndrome*) adalah kombinasi penyakit psikiatrik dan simptom somatik yang berada dalam masyarakat atau kebudayaan tertentu sahaja. Sindrom ini merupakan satu jenis simptom yang tidak disangka, berada dalam *twilight zone* dan mempunyai pendefinisian tersendiri mengikut acuan budaya masing-masing (Hashim Awang 1990). Dalam masyarakat Barat umpamanya simptom histeria yang ditunjukkan adalah simptom kebimbangan akut iaitu pernafasan cepat, sakit perut, muntah, pening kepala dan simptom-simptom lain yang bersifat fisiologi (Bartholomew & Sirois 1996). Manakala di Malaysia atau dalam konteks masyarakat Asia, simptom-simptom histeria yang ditunjukkan adalah tingkah laku menjerit, menangis, meronta-ronta, berlari tidak tentu arah, terkejut-kejut dan pengan (Kasmini Kassim 1992, Fariza et al. 2012). Simptom ini didapati berbeza sekali dengan ciri-ciri histeria di Barat yang lebih berbentuk tingkah laku kebimbangan (Wessely 1987). Perbezaan simptom-simptom fizikal dalam kalangan sesebuah masyarakat menyebabkan histeria turut dikelaskan sebagai salah satu daripada *culture-bound syndrome* (sindrom terikat kebudayaan) atau *folk illness* (Hashim Awang 1990). ‘*Spirit possession*’ juga dikatakan sebagai salah satu fenomena *CBS* (Haliza Mohd Riji 2000) selain daripada gejala latah dan amuk (Hashim Awang 1990).

Kepercayaan masyarakat Melayu telah berasimilasi dengan kepercayaan agama Islam yang datang. Kedatangan Islam dalam masyarakat Melayu telah membawa konsep Tauhid dan memperesakan Allah dan mengakui hanya Allah Tuhan yang layak disembah. Islam yang datang juga menghapuskan kepercayaan karut dan tahyul dan membimbing mereka kepada mempercayai Allah dan mengamalkan ajaran Islam (Naqiub al-Attas 1974). Menurut Amran dan Haron (1995), histeria selain kemuncak gangguan personaliti yang menyebabkan kehilangan fungsi fizikal, histeria boleh disebabkan oleh faktor psikologi, tekanan hidup atau kebimbangan atau disebabkan gangguan makhluk halus iaitu jin dan syaitan. Jin dan syaitan adalah unsur yang wujud dalam kepercayaan agama Islam iaitu salah satu makhluk Allah yang diciptakan dan mendiami bumi bersama manusia. Kejadiannya adalah salah satu bukti kekuasaan Allah dan mengandungi hikmah dan pengajaran kepada umat manusia (al-Quran, surah al-A'raf: 16-17). Manusia dilarang untuk mengikut jejak syaitan dan perlu memperkuat keimanan supaya tidak mengikuti kesesatan dan kejahatan yang cuba memesongkan manusia.

Oleh itu dapat difahami perbezaan yang wujud antara kepercayaan Melayu dan Islam ialah masyarakat Melayu mempercayai histeria berpunca daripada gangguan kuasa *supernatural* dan hantu sedangkan Islam menganggap hantu tidak wujud melainkan kewujudan jin, syaitan dan iblis yang merupakan makhluk alam ghaib yang diciptakan oleh Allah dengan tujuan menguji kekuatan keimanan manusia di atas muka bumi. Jin dan syaitan ini juga boleh mengganggu manusia dengan pelbagai cabang kesesatan. Hashim Awang dalam Amran (1994) berpandangan, masyarakat Melayu tidak membezakan konsep terminologi histeria dan dirasuk hantu. Kedua-dua terminologi itu merujuk kepada histeria secara berseorangan atau berkumpulan. Oleh itu dalam masyarakat Melayu serangan yang terjadi secara individu dikenali sebagai 'dirasuk hantu' manakala serangan histeria secara beramai-ramai disebut 'terkena histeria', namun puncanya tetap sama iaitu implikasi daripada gangguan kuasa-kuasa ghaib (Amran 1995).

Dapat disimpulkan masyarakat Melayu tidak membezakan konsep dirasuk hantu dan histeria. Keadaan tersebut berlaku kerana konsep etiologi berkenaan penyakit tersebut yang berbeza menurut kefahaman kebudayaan masing-masing. Persepsi ini menyebabkan wujudnya perbezaan dalam mentafsir ciri, faktor pencetus dan simptom histeria walau dari sudut literalnya ia merujuk kepada perkara yang sama. Keadaan ini juga menunjukkan kepelbagaian peranan budaya dan biologi dari sudut etiologi terhadap penyakit histeria (Hashim Awang 1990). Oleh itu istilah histeria dalam masyarakat Melayu disebut juga dirasuk hantu, kerasukan dan sebagainya. Cuma penggunaan perkataan 'histeria' lebih digunakan merujuk kepada histeria berkumpulan kerana media massa kerap melaporkan sebarang gejala kerasukan atau histeria beramai-ramai dengan nama histeria (Amran 1994). Dari sudut pandangan Islam, kemasukan jin dan syaitan adalah benar dan sebahagiannya boleh menjadi punca pencetus gejala histeria.

## **KESIMPULAN**

Histeria dalam konteks kepercayaan masyarakat Melayu adalah sebuah fenomena sosio-budaya yang saling berkait antara satu sama lain. Kedatangan Islam mengubah konsep ini kepada pemahaman yang bersesuaian dengan budaya tempatan dan syariat Islam. Perkembangan intelektual yang ada mendedahkan masyarakat Melayu kepada dimensi baru cara berfikir dan corak kepercayaan yang semakin berasimilasi dengan perubahan zaman yang berlaku. Kepercayaan masyarakat Melayu tidak membezakan terminologi histeria dan

'dirasuk hantu' dan apabila menyebut kejadian histeria mereka akan bertanggapan histeria yang berlaku adalah disebabkan unsur-unsur *supernatural* iaitu hantu, jin dan syaitan. Walaubagaimanapun proses pemodenan yang semakin berkembang maju menyebabkan pemahaman konsep histeria masa kini sedikit sebanyak berubah dan telah digabung jalinkan dengan kefahaman moden yang lebih relevan seperti faktor tekanan emosi dan psikososial sebagai pencetus histeria selain dari faktor hantu dan jin. Oleh itu, walaupun terdapat perbezaan pandangan dalam menghuraikan konsep histeria, gejala ini disepakati bersama sebagai suatu keadaan seseorang mengalami gangguan emosi dan fizikal disebabkan faktor-faktor diri dan persekitaran. Faktor-faktor diri seperti gangguan emosi dan konflik mental dan faktor persekitaran seperti tekanan psikososial dan gangguan jin dan syaitan yang menyebabkan kecelaruan emosi dan tingkah laku yang tidak dapat dikawal. Keadaan ini mempengaruhi sistem tubuh badan yang mencetuskan tingkah laku histeria. Masyarakat Melayu lebih cenderung merawat histeria dengan menggunakan cara tradisional. Namun, hasil dari perubahan zaman dan proses Islamisasi, kini masyarakat Melayu mula cenderung merawat histeria melalui kaedah perawatan Islam. Kaedah perubatan moden pula, cenderung mengaitkan gejala ini dengan masalah kecelaruan mental, maka kaedah rawatan pakar psikiatri akan digunakan sekiranya kes histeria dirujuk kepada hospital.

## RUJUKAN

- Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain. (2006). *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- A. Aziz Deraman. (2001). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- American Psychiatric & Association. (2004). *DSM-IV-TR Guidebook*. Washington, DC: American Psychiatric Publication
- Amran Kasimin & Haron Din. (1990). *Rawatan Gangguan Makhluq Halus Menurut al-Quran dan as-Sunnah*. Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin & Haron Din. (1995). *Fadilat Ayat al-Kursi untuk Mengatasi Sihir*. Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd
- Amran Kasimin & Zulkarnain Zakaria. (1994). *Histeria : Pencegahan dan rawatan*. Kuala Lumpur : Dinie Publisher
- al-Attas, Naquib. (1974). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Bartholomew R.E & Sirois, F. (1996). Epidemic hysteria in school: An International and historical overview. *Educational Studies* 22 (3): 285. <http://search.ebscohost.com> (16 Oktober 2012)
- Boss, Leslie. P. (1997). Epidemic hysteria: A review of the published literature. *Epidemiologic Reviews* 19 (2). [www.epirev.oxfordjournals.org](http://www.epirev.oxfordjournals.org) (1 Mac 2011)
- Fariza Md. Sham, Siti Norlina Mohamed, Intan Farhana Saparudin, Salasiah Hanin Hamjah, Rozmi Ismail, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. (2012). Faktor histeria dalam kalangan remaja sekolah. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 59 : 21-27

- Fariza Md. Sham, Salasiah Hanin Hamjah Siti Norlina Mohamed, Intan Farhana Saparudin, , Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim.2014.Faktor Histeria dalam Konteks Kepercayaan Masyarakat Melayu.Dlm.Rosmawati Mohamad Rasit & Muhamad Faisal Asha'ari(pnyt.).*Warisan Kecendekiaan Islam Dakwah,Seni dan Media*.Bangi:FPI,UKM
- Haliza Mohd Riji. (2000). *Prinsip dan Amalan dalam Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Hashim Awang A.R. (1990). *Pengantar Antropologi Perubatan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kasmini Kassim. (1992). *Psikiatri Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mahmood Nazar Mohamed. (2001). *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah laku Manusia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Saat Baki. (1993). "*Tingkah laku tak normal*" dalam Psikologi Melayu. Abdul Halim Othman ( penyelenggara). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Melvin, T. (1988). Stratifikasi Sosial, Bentuk dan Fungsi Ketaksamaan. Terjm. Afiah Haji Salleh & Zainab Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Taib Osman. (1989). *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noor Eisah Md Tahir. (1994). Kajian terhadap perihal kejadian histeria di kalangan gadis Melayu: Satu pendekatan kewartawanan. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Ramli Hassan. (1991). *Pengantar Psikiatri*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Roslina Mat Riffin. (1992). Histeria: Satu kajian kes mengenai pandangan orang Melayu di Bachok Kelantan. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Wessely, S. (1987). Mass hysteria: Two syndromes. *Psychological Medicine* (17) : 109-120